# Penjaga mengaku abai 30 kucing

PETALING JAYA: Dua pemilik kedai penjagaan haiwan mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas 30 tuduhan mengabaikan tanggung jawab menjaga 30 kucing ditinggalkan pemiliknya ketika Aidilfitri, tahun lalu.

Shahrul Azuwan Adanan dan Yushairi Khairuddin menukar pengakuan salahnya itu di depan Majistret Elena Hong Tze Lan selepas belum mengaku tidak bersalah ketika kali pertama didakwa membabitkan pertuduhan sama Disember 2011.

Susulan itu, Elena menetapkan keputusan kes terhadap kedua-dua tertuduh pada 28 Jun depan.

Mereka didakwa atas 30 tuduhan mengabaikan tanggung jawab dan penjagaan kebajikan untuk memberi makanan dan minuman kepada 30 kucing milik 10 pelanggannya sehingga menyebabkan kesakitan dan penderitaan terhadap haiwan berkenaan.